

Hubungan Di Antara Negara Berpendapatan Tinggi dan Pendapatan Isi Rumah

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Seperti diketahui umum Malaysia menyasarkan untuk mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, mengikut Bank Dunia pendapatan negara kasar (PNK) per kapita untuk tahun 2020 adalah 15,000 dolar Amerika (USD). PNK per kapita kini adalah sekitar USD10,000. Kemungkinan besar Malaysia tidak mempunyai masalah untuk mencapai sasaran tersebut sekiranya dasar pro-pertumbuhan diteruskan.

Pencapaian status negara berpendapatan tinggi merupakan langkah ke arah status sebuah negara maju. Sebuah negara berpendapatan tinggi biasanya adalah juga merupakan negara maju. Namun, ianya bukan suatu kemestian. Sebuah negara maju juga dikaitkan dengan lain-lain kriteria yang lebih mencabar di samping pendapatan yang tinggi. Kriteria-kriteria tersebut lebih menjurus kepada kesejahteraan rakyat jelata. Negara berpendapatan tinggi mungkin mampu menjadi prasyarat untuk menjadi sebuah negara maju, tetapi masih belum mencukupi sekiranya pendapatan negara yang tinggi tidak diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat. Persoalannya adalah bagaimana kekayaan negara diagihkan kepada rakyat jelata.

Ukuran kesejahteraan individu, yang terpenting adalah pendapatan individu tersebut dan bagaimana pendapatan itu dibelanjakan. Untuk tujuan ini terdapat dua statistik penting yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, iaitu pendapatan isi rumah dan perbelanjaan isi rumah. Maklumat tersebut diperolehi melalui tinjauan umum yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Maklumat ini lebih melambangkan kesejahteraan rakyat jelata berbanding dengan pendapatan negara kasar.

Salah satu petunjuk bagi sebuah isi rumah yang sejahtera adalah pendapatannya jauh melebihi perbelanjaan. Ini bermakna isi rumah tersebut mampu menabung untuk

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

kegunaan kemudian hari tanpa menjejaskan keperluan semasa. Simpanan yang tinggi mampu melicinkan perbelanjaan isi rumah walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan keadaan ekonomi, seperti turun naiknya harga barangan atau perkhidmatan.

Pendapatan isi rumah purata rakyat Malaysia untuk tahun 2014 (data terkini) adalah RM6,141 sebulan. Manakala, perbelanjaan bulanan purata isi rumah adalah RM3,578. Jurang di antara pendapatan dan perbelanjaan didapati agak kecil, maka kebanyakan isi rumah tidak mampu menabung dengan efektif. Perlu diingat, pendapatan biasanya adalah lebih stabil jika di banding dengan perbelanjaan untuk kebanyakan isi rumah. Perbelanjaan yang di laporkan juga biasanya merupakan perbelanjaan asas yang biasa, tidak termasuk perbelanjaan luar biasa yang lebih sensitif dengan kualiti barangan dan perkhidmatan.

Sebagai bandingan pendapatan purata terkini untuk isi rumah penduduk Singapura adalah 10,503 dolar Singapura berbanding perbelanjaan isi rumah puratanya 4,724 dolar Singapura. Perbelanjaan purata isi rumahnya cuma 45.0 peratus daripada pendapatan. Sebaliknya, perbelanjaan isi rumah Malaysia adalah 58.3 peratus daripada pendapatan. Ini merupakan salah satu sebab mengapa masyarakat Malaysia kini menghadapi tekanan kos sara hidup.

Corak perbelanjaan juga memberi maklumat penting berkenaan status sesebuah isi rumah. Orang-orang kurang berada mempunyai tendensi untuk membelanjakan sebahagian besar dari pendapatan mereka untuk barangan asas, terutama makanan. Manakala, golongan berpendapatan tinggi membelanjakan sebahagian kecil untuk makanan, sebaliknya turut berbelanja untuk kegunaan rekreasi atau seumpamanya. Di samping itu, mereka juga berbelanja untuk barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, yang turut melambangkan peningkatan taraf hidup.

Seorang ahli statistik Jerman di abad ke-19 membuat suatu cerapan di mana apabila pendapatan seseorang itu meningkat, peratusan yang dibelanjakan untuk makanan akan berkurangan walaupun jumlah perbelanjaan untuk makanan meningkat. Keadaan ini dikenali di dalam ekonomi sebagai hukum Engel bersempena nama ahli statistik

Jerman tersebut. Dengan kata lain, keanjalan permintaan terhadap pendapatan adalah kecil ataupun dikatakan tidak anjal.

Berdasarkan hukum Engel ini, pekali Engel boleh dikira untuk setiap negara, iaitu peratusan pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan. Negara yang mempunyai taraf kehidupan yang tinggi mempunyai pekali Engel yang rendah dan sebaliknya untuk negara yang mempunyai taraf kehidupan yang rendah mempunyai pekali Engel yang tinggi. Maka, pekali Engel boleh digunakan sebagai salah satu maklumat untuk mentafsirkan pencapaian status sesebuah negara, sama ada sebagai sebuah negara maju atau sebaliknya.

Berdasarkan purata pendapatan isi rumah dan purata perbelanjaan isi rumah 2014, pekali Engel Malaysia dianggarkan 18.2 peratus. Yakni secara purata 18.2 peratus daripada pendapatan isi rumah dibelanjakan untuk makanan, termasuk makanan dan minuman di luar rumah. Jika tidak diambil kira makanan dan minuman di luar rumah, pendapatan isi rumah yang di belanjakan untuk makanan adalah 11.0 peratus.

Prestasi Malaysia dalam konteks ini agak baik malah setanding dengan sesetengah negara maju. Namun, perkembangan kebelakangan ini di mana pertumbuhan produktiviti agak perlahan dikhuatiri akan memberi kesan kepada pertumbuhan pendapatan isi rumah. Pertumbuhan pendapatan isi rumah dijangka menjadi perlahan kesan dari pertumbuhan produktiviti yang perlahan.

Kita perlu menggunakan prestasi negara-negara maju sebagai penanda aras sebagai sasaran menjelang 2020. Umpamanya, isi rumah Amerika Syarikat dan Singapura membelanjakan peratusan yang kecil untuk makanan di rumah, iaitu masing-masing 6.4 peratus dan 6.7 peratus. Walaupun prestasi sebegini tidak mudah dicapai di dalam masa yang singkat, namun pekali Engel perlu diperbaiki menjelang 2020 dengan peningkatan pendapatan isi rumah yang signifikan.